

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI HASAN ARIFIN**
KAWASAN : **ROMPIN**
TARIKH : **7 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **81**

SOALAN

Dato' Sri Hasan Arifin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah masuk ke dalam negara pada tahun 2017. Adakah Kerajaan bercadang untuk lebih memilih jenis pelaburan yang perlu masuk ke dalam negara untuk diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kemasukan pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi terus meningkat di Malaysia bagi memenuhi aspirasi untuk menjadi negara maju.

Kerajaan memberi lebih tumpuan kepada pelaburan ke atas projek berkualiti yang mempunyai impak yang signifikan kepada keseluruhan ekonomi. Bagi tempoh Januari hingga April 2017, sejumlah 193 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM12 bilion telah diluluskan. Pelaburan ini akan menjana sejumlah 13,866 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM6.7 bilion adalah merupakan pelaburan langsung asing, manakala RM5.3 bilion merupakan pelaburan tempatan.

Bagi memastikan pelaburan yang diterima mempunyai impak positif ke atas ekonomi negara, Kerajaan melalui MITI dan MIDA sentiasa mengamalkan pendekatan berfokus atau dengan izin, *targeted approach* dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan kepada industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, Kerajaan juga turut menggunakan pendekatan ekosistem atau dengan izin, *ecosystem approach* yang merangkumi penilaian bagi kelulusan pelaburan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan serta kemahiran. Pendekatan ekosistem yang bersepadu dan menyeluruh ini dapat membangunkan rantaian nilai kelompok industri yang menetapkan hala tuju dalam menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan membuka peluang kepada aktiviti-aktiviti rantaian hulu dan hiliran.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), tumpuan diberikan kepada tiga subsektor pemangkin yang telah dikenal pasti iaitu kimia, elektrik dan elektronik (E&E) serta mesin dan peralatan (M&E) selain dari dua subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu peranti perubatan dan aeroangkasa. Subsektor ini mempunyai hubungan secara langsung dengan sektor perkilangan yang lain dan berpotensi untuk memacu daya saing pembangunan sektor perkilangan di Malaysia secara keseluruhannya.

Kerajaan akan terus komited dalam usaha mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik, mesra pelabur dan berdaya saing, di samping memastikan pelaburan yang diterima adalah yang berkualiti tinggi.